

Eksport Getah Asli Pada Januari 2014 Meningkatkan 3.2 Peratus Kepada 70,423 Tan
Bernama
12 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 12 Mac (Bernama) -- Eksport getah asli pada Januari 2014 meningkat 3.2 peratus kepada 70,423 tan berbanding tempoh yang sama pada 2013, kata Jabatan Perangkaan Rabu.

Getah Mutu Malaysia (SMR) menyumbang 94.2 peratus daripada keseluruhan eksport, dengan 55 peratus daripadanya membabitkan SMR 20, kata jabatan itu dalam satu kenyataan.

Sebahagian besar eksport getah asli ialah ke China (49.0 peratus), diikuti Jerman (14.0 peratus), Amerika Syarikat (6.9 peratus), Brazil (3.4 peratus), Iran (2.7 peratus), Afrika Selatan (2.4 peratus), Portugal (2.1 peratus) dan Korea Selatan (2.1 peratus).

Bagaimanapun, berbanding Disember tahun lepas, eksport getah asli susut 15.5 peratus, kata jabatan itu.

Pengeluaran getah asli pada Januari 2014 sebanyak 91,567 tan metrik, meningkat 3.5 peratus tahun ke tahun, dengan sektor pekebun kecil menyumbang 93.6 peratus dan estet sebanyak 6.4 peratus.

"Kedah mengeluarkan getah asli terbesar di estet, menyumbang 21.8 peratus, diikuti Negeri Sembilan (20.2 peratus) dan Johor (15.2 peratus)," kata jabatan itu.

Penggunaan domestik getah asli bagi Januari 2014 sebanyak 35,338 tan, susut 6.2 peratus tahun ke tahun, dengan industri sarung tanang merupakan industri pengguna tertinggi sebanyak 25,492 tan (72.1 peratus), diikuti tayar dan tiub (7.1 peratus) dan benang getah (6.6 peratus).

Paras stok getah asli negara meningkat sebanyak 53,868 tan metrik pada Januari 2014, meningkat 32.1 peratus berbanding Disember 2013 dan 17.5 peratus lebih tinggi berbanding Januari 2013.

Harga purata bulanan getah asli bagi Januari 2014 secara keseluruhannya sebanyak 485.30 sen, susut 9.4 peratus berbanding Disember 2013 dan turun 21 peratus berbanding bulan yang sama pada 2013.

Pada Januari 2014, produktiviti pengeluaran getah asli di estet ialah sebanyak 142.0 kilogram sehektar, meningkat 8.6 peratus berbanding pada bulan sebelumnya, namun susut 4.0 peratus tahun ke tahun.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1021233>